

Newspaper	Berita Harian
Date	10/9/2011

'Selidik kesilapan fakta sejarah'

Pakar IPT diminta kaji persoalan kedatangan Islam di Kepulauan Melayu

Oleh Faiza Zainudin
faiza@bharian.com.my

KUALA LUMPUR: Pakar sejarah di institut pengajian tinggi diminta mengkaji semula sejarah kedatangan Islam di Kepulauan Melayu berikutan tulisan Prof Tan Sri Dr Syed Muhammad Naquib al-Attas dalam buku terbarunya, *Historical Fact and Fiction* yang mendedahkan berlaku kesilapan dan kekeliruan fakta dalam sejarah tanah air.

Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin, berkata penulisan tokoh akademik tersohor itu membangkitkan pelbagai persoalan, sekali gus menunjukkan mungkin ada sejarah lain yang tidak dilaporkan secara menyeluruh oleh penulis Barat dalam buku *Sejarah* yang menjadi rujukan pelajar sekolah menengah dan universiti negara ini, terutama membabitkan aspek kedatangan Islam.

"Hanya sebahagian saja yang ditulis penulis Barat untuk kepentingan mereka, yang mereka nak tulis hanya kedatangan mereka (bukan kedatangan pedagang Arab ke Tanah Melayu).

"Prof Muhammad Naquib bangkit perkara yang ada persoalan dan kita perlu kajian mendalam, dalam soal ini sejarah boleh dicungkil, bukan untuk diputar-belit macam kes Bukit Kepong, usaha ini lebih kepada mendedahkan perkara yang sebenarnya berlaku.

"Selepas kajian mendalam berasaskan buku ini, baru kita fikirkan nak tukar silibus sekolah menengah, universiti," katanya pada sidang media selepas majlis pelancaran buku Syed Muhammad Naquib di kampus antarabangsa Universiti Teknologi Malaysia (UTM) di sini, semalam disempurnakan Sultanah Johor yang juga Canselor UTM, Raja Zarith Sofiali Sultan Idris Shah. Turut hadir Naib Canselor UTM, Prof Datuk Dr Idr Zaini Ujang.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas saranan Syed Muhammad yang mahu silibus *Sejarah* atau kefahaman *Sejarah* dinilai semula sebab berlaku banyak kesilapan fakta dan meminta pen-



CANSELOR UTM, Raja Zarith Sofiah dan Syed Muhammad Naquib melihat buku *Historical Fact and Fiction* sambil diperhatikan Zaini dan Mohamed Khaled ketika majlis pelancaran buku itu di kampus antarabangsa UTM, semalam.

syarah Fakulti Sejarah mengkaji perkara itu dengan mendalam.

Buku setebal 153 muka surat terbitan UTM Press berkenaan membongkar secara ilmiah teori dan hujah palsu yang direka sebahagian sarjana terkenal khususnya penulis Barat terutama mengenai tarikh peristiwa bersejarah, pen-

dapat yang tidak berdasar kepada bukti yang sah dan kukuh serta andaian yang tidak sewajarnya mengenai kesan agama dan budaya dalam sejarah masyarakat rantau ini melalui proses Islamisasi.

Antaranya, asal usul nama Melaka adalah daripada perkataan Arab yang membawa makna pelabuhan dan pusat perdagangan, bukannya berkait dengan pohon Melaka yang kononnya menjadi punca kepada penubuhan Melaka; Parameswara adalah Raja Melayu yang berbangsa Melayu dengan nama Muslim sebenar, Muhammad serta anak seorang Raja Palembang dikenali sebagai Sang Aji.

Syed Muhammad Naquib juga menjelaskan pelopor yang membawa serta menyebarkan agama Islam di alam Melayu pada zaman awal dan kemudian adalah orang Arab keturunan Rasulullah, iaitu salasilah Saidina Ali Abi Talib dan Saidina Fatimah bukannya orang Barat.


Beliau turut memberi penyelesaian terhadap masalah mengenai sejarah Islam di Sulu dan Mindanao

yang selama ini tidak dapat diselesaikan, contohnya berkaitan dengan identiti sebenar Tuan Masah'ika yang berketurunan Rasulullah.

Dalam perkembangan lain, Mohamed Khaled berkata, kementerian ini sedang membangunkan program baru sebagai usaha untuk menambah lebih ramai pelajar lelaki melanjutkan pelajaran di institut pengajian tinggi.

"Pelajar lelaki ramai tercicir berbanding dengan perempuan (masuk universiti). Sekarang nisbah 30 peratus lelaki, 70 peratus perempuan, kementerian akan buat program turun padang dengan beberapa universiti terpilih untuk memberi kesedaran kepada mereka.

"Kementerian juga akan melaksanakan program untuk memberi kesedaran kepada pelajar terhadap subjek Sains dan Matematik yang dilaksanakan Universiti Perguruan Sultan Idris (DPSI) akhir tahun ini, kegagalan mereka untuk menaruh minat kepada subjek ini menjejaskan usaha kita menjadi negara maju pada masa depan," katanya.



Prof Muhammad Naquib bangkit perkara yang ada persoalan dan kita perlu kajian mendalam, dalam soal ini sejarah boleh dicungkil, bukan untuk diputar-belit macam kes Bukit Kepong, usaha ini lebih kepada mendedahkan perkara yang sebenarnya berlaku

Mohamed Khaled Nordin
Menteri Pengajian Tinggi